

Headline	Pelajar kutip kotak terbang dalam program Nature for N...		
Date	27. Mar 2009	Language	MALAY
Media Title	Utusan Malaysia	Page No	34
Section	Dlm Negeri	Article Size	101 cm2
Circulation	238082	Frequency	Daily
Readership	833287	Color	Black/White
		AdValue	1319.45



Pelajar kutip kotak terbang dalam program *Nature for Nature*

KUALA LUMPUR 26 Mac – Sepanjang enam bulan bermula hari ini, 44,000 pelajar sekolah harian di Lembah Klang akan digalakkan mengutip kotak minuman yang dibuang merata-rata untuk dimasukkan ke dalam tong yang disediakan sempena satu program bagi menanam sikap sayangkan alam sekitar dalam kalangan kanak-kanak.

Menerusi program *Nature for Nature*, pelajar daripada 25 sekolah rendah itu akan dibekalkan dengan tong sampah kitar semula.

Program anjuran syarikat penge-

luar kotak minuman Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd. dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) itu, dilancarkan oleh Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Ke-

menterian Pelajaran, Mohd. Anuar Abdul Hamid di Sekolah Kebangsaan Bangsar, Jalan Pantai Bahru di sini hari ini.

Program itu meliputi sesi pembelajaran alam sekitar di sekolah, karnival mini alam sekitar di sekolah dan pertandingan kitar se-

mula kotak minuman. Sekolah yang mengutip kotak minuman terbanyak akan menerima hadiah bernilai RM60,000.

“Jika berjaya, program ini akan diperluaskan ke sekolah lain di seluruh negara,” kata Mohd. Anuar.

—BERNAMA